

PASUKAN memanah UPM memperagakan pingat masing-masing di UKM, Bangi.



UPM kuasa memanah

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan mereka adalah kuasa sukan memanah apabila menjadi pemenang pingat terbanyak sepanjang lima hari acara itu dipertandingkan di temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018.

UPM mengumpul enam pingat emas, empat perak dan tiga gangsa untuk mengatasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang memenangi lima emas, tiga perak dan empat gangsa sementara Universiti Teknologi Mara di tempat ketiga (dua emas, satu perak, tiga gangsa).

UPM turut cemerlang apa-

bila membolot empat emas yang dipertandingkan pada hari kejohanan masing-masing dalam acara compound berpasukan lelaki dan wanita selain recurve berpasukan lelaki dan wanita.

Ketua jurulatih memanah UPM, Faiz Mokhtar Lopi berkata, sikap tidak mengenal erti putus asa meskipun sibuk dengan pelajaran serta disiplin tinggi menjadi antara faktor utama kejayaan kali ini.

“Alhamdulillah pada hari terakhir kita bolot semua emas yang dipertandingkan dan pasukan saya membuktikan mereka adalah yang terbaik antara universiti dalam Malaysia ketika ini.

“Masing-masing menunjukkan semangat berpasukan tinggi dan prestasi cemerlang. Ramuannya hanyalah latihan dan semangat berpasukan. Di UPM juga kita cuba melahirkan atlet ke peringkat negara,” kata Faiz ketika ditemui, semalam.

Pada aksi yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu, pemanah UPM, Mohd Alif Adha Hassan (**gambar**) cemerlang mengutip tiga emas dan satu perak sepanjang temasya berlangsung.

Atlet berusia 25 tahun itu berkata, dia berpuas hati dengan prestasi kali ini sekali gus menyifatkan ia adalah pencapaian terbaik dirinya.



“Saya harap dapat mencapai kemuncak prestasi di Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Myanmar pada Disember nanti dengan cuba membantu pasukan untuk memenangi emas. Kami ingin membala dendam kerana hanya meraih gangsa di Singapura pada 2016,” katanya.